

Zainul: Perlu tingkat pemahaman antara budaya

Generasi muda kini sifatkan diri mereka pertama sebagai warga Singapura tanpa label kaum

► **HASLEEN BACHIK**
hasleen@sph.com.sg

MASYARAKAT perlu meningkatkan pemahaman mengenai kepelbagaian budaya, keharmonian bangsa dan kehidupan kaum lain melalui perbincangan yang lebih berkesan dan mendalam, kata mantan Menteri Negara Kanan (Ehwal Luar), Encik Zainul Abidin Rasheed.

Semasa menyampaikan ceramah di forum Universiti Nasional Singapura (NUS) U@live, Rabu lalu beliau berkata:

“Kita semua sebagai individu, pihak universiti dan pemerintah perlu benar-benar melihat bagaimana kita menangani isu kepelbagaian budaya.

“Ia tidak hanya terbatas setakat mengenakan pakaian budaya lain pada 21 Julai (Hari Keharmonian Kaum), memakan makanan berbeza, bahkan harus benar-benar memahami bagaimana kehidupan masyarakat Islam, yang bukan Islam, penganut Kristian, Buddha, kumpulan budaya dan bahasa berbeza serta keprihatinan mereka.”

Beliau yang juga Duta Khas Menteri Ehwal Luar ke Timur Tengah dan Duta Besar Singapura ke Kuwait mengetengahkan saranan tersebut dalam forum bulanan U@live anjuran Pejabat Perhubungan Alumni NUS dengan tajuk, *Kepelbagaian Budaya: Masa Untuk Memandang Sekali Lagi Ke Cermin*.

Kepada kira-kira 150 hadirin yang terdiri daripada mahasiswa, kakitangan dan alumni dalam acara yang diadakan di Auditorium Rumah Alumni Yayasan Shaw NUS, Encik Zainul berkata:

“Dunia ini penuh dengan pelbagai cabaran di luar kawalan kita. Kita boleh menangani keharmonian kaum, hubungan bangsa, tetapi kita tidak boleh mengambil mudah perkara ini. Kita perlu adakan perbualan yang lebih baik dan lebih mendalam mengenai apakah itu kepelbagaian budaya?”

Dengan dasar imigresen ini, ia turut membawa keprihatinan baru yang harus ditangani, ujar beliau.



ENCIK ZAINUL ABIDIN RASHEED: Berpendapat bahawa tahap pemahaman silang budaya tidak terbatas kepada mencuba pakaian dan makanan bangsa lain sahaja. – Foto NUS

Encik Zainul telah memulakan ceramahnya dengan mengimbas pengalaman peribadi beliau di tengah-tengah rusuhan kaum di Singapura.

“Pada 1964, lebih dari 50 tahun lalu, saya hampir terbunuh dalam rusuhan kaum. Anda telah mendengar Sorakan Kallang. Saya pula melalui Kengerian Kallang dan hentaman di Geylang,” akui Encik Zainul tentang peristiwa yang kekal terpahat dalam ingatannya itu.

Moderator forum, pengerusi jawatankuasa penganjur U@live yang juga alumni NUS, Encik Viswa Sadasivan, turut berkongsi bagaimana ibu beliau sendiri tatkala terdengar tentang sesuatu nahas akan memberikan reaksi pertama dengan bertanya: “Orang India ke?”

Mengenai stereotaip yang wujud, Encik Viswa turut mengakui terkilan apabila mendapat tahu sebuah sekolah elit memutuskan tidak lagi mengadakan pasukan bola sepak meskipun ia meraih kecemerlangan dengan alasan, “kami tidak punya pelajar lelaki Melayu yang mencukupi”.

Singapura tambah Encik Zainul meskipun telah melalui peningkatan, masih belum tiba ke destinasi di mana kandungan di dalam ikrar negara – iaitu tanpa mengira bangsa, bahasa dan agama – menjadi realiti.

Sehingga kini, isu perkauman kekal menjadi isu sensitif.

Di akhir sesi Encik Zainul berkongsi pengamatannya tentang isu kaum di kalangan generasi muda.

Mereka, kata beliau, melahirkan minat berhubung isu perkauman dan cuba untuk memahaminya.

Namun, dalam masa yang sama, mereka juga tidak mahu dilabel sebagai Melayu, Cina atau India kerana mereka menyifatkan diri mereka sebagai warga Singapura.

Ini berbeza dengan generasi tua yang lebih berpegang pada nilai budaya dan agama.

Mereka bimbang generasi muda akan hilang identiti kerana kurang prihatin mengenai perkara-perkara tersebut.

“Bagi generasi ini (lebih berusia), warisan, sejarah dan agama amat penting.

“Persoalannya kini, bagaimana kita mengimbangi kedua-duanya (tua dan muda). Tatkala kita bergerak ke hadapan dengan generasi muda yang lebih cenderung menyifatkan diri sebagai warga Singapura, dan mereka tidak mahu terlalu memikirkan tentang latar belakang budaya dan bangsa.

“Bagaimana kita mencari keseimbangan antara memupuk nilai Singapura dan dalam masa yang sama tidak kehilangan nilai budaya?” tanya Encik Zainul.